



IKLAN TAWARAN

PROGRAM KHAS SELANGOR BRAIN BANK

Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor menawarkan biasiswa penuh bagi pengajian Doktor Falsafah (PhD) di universiti terkemuka luar negara atau yang setaraf dengannya bagi sesi pengajian tahun 2019/2020. Calon yang memenuhi syarat kelayakan adalah dipelawa untuk memohon.

SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN:

- 1) Pemohon dan ibu bapa merupakan warganegara Malaysia.
- 2) Pemohon atau ibu atau bapa lahir di Selangor atau pemohon telah bermastautin di Selangor melebihi 5 tahun.
- 3) Permohonan ini adalah terbuka kepada penjawat awam dan orang awam.
- 4) Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tahun memulakan pengajian.
- 5) Memiliki Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.75 atau yang setaraf dengannya.
- 6) Telah mendapat tempat pengajian di universiti terkemuka luar negara dalam bidang yang dipohon (mengikut *Ranking by Subject* 2019 Times Higher Education atau QS World University Ranking atau setara).
- 7) Mengikuti pengajian secara sepenuh masa.
- 8) Telah mengambil ujian Bahasa Inggeris dengan markah minimum iaitu: IELTS (6.0)/ TOEFL (550).
- 9) Keutamaan diberikan kepada calon yang mahir dalam lebih daripada satu bahasa antarabangsa.
- 10) Keutamaan diberikan kepada calon yang aktif dalam kegiatan ko-kurikulum atau aktiviti kemasyarakatan atau menghasilkan kerja-kerja kreatif dan inovatif.
- 11) Pemohon hendaklah menyertakan salinan '*Research Proposal*' yang telah diterima oleh Universiti bersama-sama dengan borang permohonan. '*Research Proposal*' hendaklah menyumbang kepada pembangunan Negeri Selangor.
- 12) Pemohon tidak menerima pembiayaan pengajian daripada mana-mana pihak lain.
- 13) Sihat tubuh badan.
- 14) Tidak mempunyai masalah keberhutangan serius atau mufliis serta tidak terlibat dalam sebarang prosiding jenayah.
- 15) Tidak disenarai hitam oleh mana-mana agensi Kerajaan

2. Bidang Berkaitan

- i. Human & Social Development
- ii. Culture & Heritage
- iii. Manufacturing
- iv. Environment
- v. Business
- vi. Retail
- vii. Commercial
- viii. Technology
- ix. Communication
- x. Islamic Affairs

CARA PERMOHONAN:

1. Muat turun borang di portal rasmi Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor www.tkwbnns.selangor.gov.my
2. Lengkapkan semua dokumen dan hantar secara SERAHAN TANGAN atau POS ke:

Urus Setia
Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor
Cawangan Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Tingkat 3, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam
No. Tel: 03 – 5544 7484 / 7543 / 2275

Hanya permohonan yang **LENGKAP** akan diproses. Pemohon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak mendapat sebarang maklum balas dalam tempoh SEBULAN selepas tarikh permohonan adalah dianggap TIDAK BERJAYA.

Permohonan: DI BUKA SEPANJANG TAHUN